



## **TS. AZIZUL ZAHID JAMAL**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau merupakan lulusan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang kini dikenali sebagai ASWARA dalam Diploma Teater pada tahun 1994 hingga tahun 1998 di mana beliau merupakan kumpulan pelajar pertama di pusat pengajian ini. Seterusnya, beliau meneruskan pelajarannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda Teater dengan Kepujian (Sinografi) di ASWARA dan menyambung pengajian di peringkat Sarjana *MA in Stage and Event Management* di *Royal Welsh College of Music and Drama, Cardiff, United Kingdom* pada tahun 2012 hingga tahun 2014.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Tutor di ASK pada tahun 1999 dan kemudiannya, beliau menjadi Pensyarah pada tahun 2004. Selain dari ASWARA, beliau juga pernah mengajar di beberapa institusi seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaya (UM). Beliau mula menjadi Pensyarah Tetap di ASWARA pada tahun 2015 dan kini beliau merupakan Dekan Fakulti Teater. Kerana kepakaran beliau, beliau telah mendapat pelbagai undangan sebagai penceramah dan memberikan latihan bagi Bengkel Produksi Teater Teknikal.

### **PENCAPAIAN**

Beliau turut menerima beberapa anugerah seperti *Theater Manager Award* dari *Australian High Commission* pada tahun 1999, dimana beliau telah diberikan peluang untuk mengenali bidang Pengurusan Teater di Melbourne dan Sydney.

Beliau juga menerima Anugerah Karyawan Seni Negara (Pereka Tatacahaya) pada tahun 2008 kerana sumbangan beliau di dalam Industri Kesenian Tanahair.

Beliau telah banyak menyumbang di dalam dunia teater seperti menubuhkan *Alternative Stage Company* bersama rakan beliau, Nam Ron. Selain itu, beliau juga berpengalaman dalam menjadi Pengurus Produksi, Pengarah Teknikal, Sinografer, Pereka Tatacahaya dan Pengurus Pentas selain dari kerja-kerja pentas yang lain seperti bekerja dengan organisasi, badan kerajaan dan juga syarikat teater terkemuka di tanahair seperti *The Actors Studio*, *Five Arts Centre*, *Dramalab*, *CTRA* dan banyak lagi. Beliau turut berpengalaman bekerja di kebanyakan ruang pentas di seluruh Malaysia seperti Istana Budaya (IB), Panggung Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), *Malaysian Philharmonic Orchestra* (MPO), *The Kuala Lumpur Performing Arts Centre* (KLPAC), *Damansara Performing Arts Centre* (DPAC), *PJ Live Arts* (PJLA), Panggung Eksperimen (ET) ASWARA, *Experiment Theater* (ET) UM, panggung Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di seluruh negara dan banyak lagi.

Beliau juga berpeluang menimba pengalaman dengan bekerja bersama produksi di dalam dan luar negara seperti *ASEAN SUMMIT Launching and Dinner 2015*, *Prime Minister's Dinner Show*, *Heritage [APEC DINNER]* di Kuala Lumpur, *Zapin Nusantara (International Festival)* di Johor, *Cairo International Experimental Theatre Festival* di Egypt, *Asean Monodrama Festival* di Kuala Lumpur, *Folk Theatre Night Langkawi International Festival of Arts* di Langkawi, dan *World Performing Arts Festival 2006 Pakistan* di Lahore, Pakistan.

Beliau juga pernah bekerja dengan produksi teater di Australia seperti *Malthouse Theatre Company*, dan di United Kingdom seperti *National Theatre Wales*, *Hijinx Theatre*, *Mappa Mundy Theatre Co.*

Sepanjang pengalaman beliau, beliau pernah terlibat dengan produksi seperti Gelombang Baru 2017, *Throne of Thorns*, Jamu 2017, Main Zapin, Hikayat Cendawan Putih, Langkau, *People of The Forest*, Cendawan Putih, *My Honey*, *The Compleat Female Stage Beauty*, *Praxis Makes Perfect*, *The Adventures of Sando Panza*, Amuk Anak Zapin, Mek Mulung Cahaya Bulan, Muzikal Siti Zubaidah, *The Ruler*, *Medea*, *Mamak Mee-ah!!! Willow*, Gema Zafana, *Tun Razak The Musical*, Ibu Zain, Hikayat Haziq, Lantai T. Pinkie, Nyonya, Wangi Jadi Saksi, Laut Lebih Indah dari Bulan, Kembara Mek Mulung, *Life Sdn. Bhd 2*, *Antigone*, Atap Genting Atap Rembia, Jangan Bunuh Sam, Alang Rentak Seribu, Bangsawan Tengku Anum, Wira Bukit, *Death of a Salesman*, *Look Back in Anger*, Siti di Alam Fantasi, Superptui & Transit Kaler Magenta, Lembu & Matderihkolaperlih, Proses, Gedebe (*An adaptation of Julius Ceaser*), MISI, Konsert “Kedamaian” *National Choir*, “*Musicmaker*” *National Choir*, “*Dir.. Concert*” *National Choir*, *KL Music Fest*, Malam GAZA, Konsert KL Kaleidoscope, Muzika Arabia, Tsunami Concert, Malam Sanggar Mustika Siti Nurhaliza, Acara Majlis Makan Malam Sambutan dan Penutup ALIA 2016, Festival Seni Asasi, Majlis Konvokesyen ASWARA, Program Pameran Lukisan Arau 1, *National Sports Award*, Program Perpaduan dan Integrasi Murid Kebangsaan, *National Dance Festival*, *World Performing Arts Festival 2006 Pakistan*, Majlis Sambutan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), *Dinner Show In Aid of National Wome’s Writers Association*, Puteri Sa’dung, *New Year Celebration 1998*.